



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI SABAH TAHUN 2018 SIRI 2**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 dibentangkan secara bersiri sebanyak dua (2) kali. LKAN Siri 1 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 (Isnin) manakala LKAN Siri 2 pada 2 Disember 2019 (Isnin) setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN Tahun 2018 Siri 1 telah dibentangkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Sabah pada 5 Ogos 2019 (Isnin). LKAN Tahun 2018 Siri 2 pula akan dibentangkan pada 20 April 2020 (Isnin) setelah mendapat persetujuan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.
2. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

2.1. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Negeri

- (a) Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- (b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 ini, sebanyak empat (4) pengauditan prestasi telah dilaksanakan. Pengauditan

merangkumi pelbagai bidang, antaranya pengurusan program/aktiviti, penyenggaraan dan pengurusan pelaburan.

3. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 19 syor terhadap pengurusan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
4. LKAN Tahun 2018 Siri 2 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 20 April 2020 selepas jam 10 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my. Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut akan turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Media, Aras 3, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

Ketua Audit Negara
Malaysia

20 April 2020